

10 JUL 1996
Razaleigh-jawatan
KU LI KATA BELIAU TAK NIAT GUGAT ANWAR

KUALA LUMPUR, 10 Julai (Bernama) -- Tengku Razaleigh Hamzah hari ini berkata kemungkinannya kembali ke pangkuan Umno bukan bertujuan menggugat kedudukan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Presiden Parti Melayu Semangat 46 (S46) itu berkata langkahnya membawa anggota-anggota parti itu bekerjasama dengan Umno semata-mata untuk penyatuan orang Melayu.

"Tak ada niat nak menandingi ataupun cuba nak mengimbangi sesiapa," katanya ketika ditemui di pejabatnya.

Sabtu lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menolak dakwaan kononnya beliau mahu Tengku Razaleigh kembali ke pangkuan Umno untuk mengimbangi pengaruh Anwar dalam parti dan kerajaan.

Anwar, yang juga Timbalan Presiden Umno, telahpun menyatakan beliau sendiri tidak bimbang dengan kemasukan semula Tengku Razaleigh ke dalam Umno dan berharap orang ramai tidak membuat terlalu banyak tafsiran berhubung perkara itu.

Tengku Razaleigh berkata bahawa dalam pertemuannya dengan Dr Mahathir sebelum ini, beliau menyatakan hasrat untuk membawa semua pengikut partinya untuk bersatu dengan Umno demi perpaduan Melayu.

Katanya beliau juga memaklumkan kepada Dr Mahathir bahawa beliau tidak mengharap apa-apa jawatan bagi dirinya atau para pemimpin S46.

"Kita tidak hendak mengancam sesiapa dan tak ada cadangan hendak merebut jawatan sesiapa," katanya.

Tengku Razaleigh berkata beliau hairan mendengar komen seperti kononnya kemasukannya ke dalam Umno ialah untuk mengimbangi pengaruh Anwar.

Menurutnya setelah lama berada di luar Umno, mereka tidak mungkin mempunyai pengaruh untuk menjadi saingan kepada sesiapa dalam Umno.

"Kita bukan nak jadi suatu 'force' yang berasingan daripada yang ada dalam Umno," kata beliau.

Majlis Tertinggi S46 akan mengadakan mesyuaratnya di ibu pejabat parti di sini esok. -- BERNAMA

AZZ MAI